

## PENGARUH TAUBAT DALAM PENGGUGURAN HUKUMAN HUDUD: SATU ANALISIS

### *THE IMPACT OF REPENTANCE IN THE EXCLUSION OF HUDUD PUNISHMENT: AN ANALYSIS*

Ahmad Mujahideen Haji Yusoff <sup>1</sup>  
Hamidi Abdul Ghani <sup>2</sup>  
Noraini Mohd Noor <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: mujahideen@kias.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: hamidi@kias.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: noraini@kias.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 15-11-2020

**Revised date** : 16-11-2020

**Accepted date** : 1-2-2021

**Published date** : 25-3-2020

#### To cite this document:

Haji Yusoff, A. M., Abdul Ghani, H., & Mohd Noor, N. (2021). Pengaruh Taubat Dalam Pengguguran Hukuman Hudud: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(35), 56 - 67.

**Abstrak:** Setiap insan tidak terkecuali daripada terjerumus ke lembah dosa. Islam telah mensyariatkan taubat bagi penyucian dosa. Selain taubat, Islam juga mensyariatkan hukuman bagi penyucian dosa antaranya hukuman hudud. Namun, hubungan taubat dengan hukuman hudud ini mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Oleh itu, artikel ini membincangkan konsep taubat dan hukuman hudud serta menganalisis pengaruh taubat dalam pengguguran hukuman hudud. Artikel ini berbentuk kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisisan data yang melibatkan kaedah kepustakaan dari bahan-bahan bercetak dengan menggunakan perisian N-Vivo 2.0. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa taubat ialah permohonan ampun dan penyesalan di atas dosa yang telah dilakukan secara ikhlas kerana Allah SWT dan berazam untuk tidak mengulanginya serta meminta halal terhadap hak manusia dengan mengembalikannya kembali. Hukuman hudud pula ialah hukuman seksa dunia yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan hadis Nabi SAW bagi kesalahan-kesalahan yang termasuk dalam kategorinya. Selain itu, terdapat empat peringkat taubat berkaitan dengan hukuman hudud iaitu taubat setelah berfikir untuk melakukan jenayah tetapi jenayah belum dilakukan; taubat setelah melakukan jenayah dan sebelum sampai ke pengetahuan pihak berkuasa; taubat selepas sampai ke pengetahuan pihak berkuasa dan sebelum pesalah dihukum; dan taubat selepas pesalah dihukum.

**Kata Kunci:** Pengaruh, Taubat, Pengguguran, Hudud

**Abstract:** *Every human being cannot escape from committing sin. In purifying sins, Islam has prescribed the act of repentance. In addition to repentance, Hudud is another way of purifying the sinful acts. However, the association of repentance with hudud punishment has its own impact. Therefore, this article discussed the concept of repentance and hudud punishment as well as analysing the impact of repentance in the exclusion of hudud. This article applied a qualitative design as a method for collection and analysis of data involving literature studies from printed materials using N-Vivo 2.0 software. The results of this study explain that repentance is committed sincerely for Allah in seeking Allah's forgiveness and remorse for sins and the sinners are determined not to repeat the mistake and also he/she must return the right of the person who they have wronged. Hudud is the punishment meant to be committed while the wrongdoers are still alive and this has been prescribed by the Qur'an and the hadith of the Prophet SAW for offenses subjected to its category. In addition, there are four conditions of seeking repentance related to hudud punishment which are; when someone repented when he/she is thinking about committing a crime but the crime has not been committed; repentance after committing a crime and before the crime reaches the knowledge of the authorities; repentance after the crime reached the knowledge of the authorities and before the offender is punished; and repentance after the offender has subjected to a punishment.*

**Keywords:** *Impact, Repentance, Exclusion, Hudud*

---

## **Pengenalan**

Islam adalah agama untuk keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Bagi mencapai kedua-duanya, syariat Islam melindungi lima perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang disebut sebagai al-Dharuriyyat al-Khams. Penjagaan lima perkara asas ini dilakukan melalui dua cara iaitu pertama menjamin kewujudannya kerana tanpa kewujudannya, hidup manusia akan rosak dan binasa, manakala cara penjagaan kedua ialah dengan menyekat sebarang pencerobohan terhadap lima perkara asas itu. Setiap tindakan untuk menceroboh lima perkara asas itu akan dituliskan dosa. Pencerobohan yang dilakukan akan dikenakan pembalasan. Pembalasan itu dinamakan sebagai hukuman hudud. Namun bagi mengelakkan pesalah mengulangi perbuatan salahnya kali kedua, maka Islam mensyariatkan taubat. Taubat boleh menghapuskan dosa perbuatan yang dilakukan kerana seorang yang bertaubat adalah seperti seorang yang tidak pernah melakukan dosa. Penghapusan dosa itu berlaku di akhirat. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah pengaruh taubat boleh menggugurkan hukuman hudud di dunia ini.

## **Metodologi Kajian**

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif sepenuhnya. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan kerana menggunakan bahan-bahan bercetak dalam proses pengumpulan data dan penganalisan data dengan menggunakan perisian N-Vivo 2.0.

## **Definisi Taubat**

Dari sudut bahasa, M. Yusoff M.A., Othman M.S., RT Abdullah, Mohamad N. & Omar S.H.S. (2017) menyebut bahawa perkataan taubat berasal dari perkataan bahasa Arab al-taubah (التوبة) yang berasal dari akar kata ta'-waw-ba' (ت و ب) dan ditukar menjadi kata kerja taba (تاب) dengan menggantikan huruf waw kepada alif. Menurut Ibn Manzur (2015) menjelaskan

bahawa perkataan taubat dari sudut bahasa ialah berasal dari bahasa Arab “taba-yatubu-tauban-taubatan-mataban) yang membawa erti kembali dari maksiat kepada taat.

Dari sudut istilah, al-Fayruz Abadi (2019) menjelaskan bahawa taubat bererti kembali kepada Allah SWT daripada dosa, kembali kepada Allah SWT sahaja, atau kembali mentaati selepas berbuat dosa, atau bermaksud kembali daripada dosa. Menurut Abu Jaib (2015) menyebut bahawa taubat bermaksud penyesalan dan pencabutan dosa maksiat yang dilakukan, berserta azam untuk tidak mengulanginya semula sekalipun berkemampuan melakukannya dan bukan disebabkan rasa takut mendapat mudarat kepada badan dan harta akibat perbuatan maksiat. Dalam Kamus Dewan, taubat ialah penyesalan akan dosa (perbuatan jahat dan lain-lain) dan berazam untuk tidak akan berbuat dosa (jahat) lagi atau kembali kepada Tuhan (dengan meninggalkan perbuatan dan lain-lain yang dilarang dan membuat apa-apa yang disuruh) (Noresah Baharom, 2010). Menurut al-Fayyumi (2017), al-Asfahani (2015), Ibn Faris (2018) dan al-Zamakhshari (2017) telah memberikan pengertian taubat Allah SWT ke atas hamba bermaksud Allah SWT telah kembali kepada hambaNya dengan keampunan. Putaran ini adalah peralihan daripada kemurkaan Allah SWT kepada rahmatNya, penolakan kepada penerimaan, atau daripada hukuman kepada keampunan (Sri Rahayu & Khadijah, 2016).

Terdapat banyak definisi taubat yang telah dinyatakan dengan pelbagai pendefinisian. Namun begitu, Amal (2016) telah membuat satu kesimpulan tentang hakikat taubat berdasarkan beberapa definisi ulama iaitu pengetahuan seorang hamba terhadap keburukan dan bahaya dosa, lantas meninggalkan perbuatan dosa itu ikhlas kerana Allah SWT, menyesal terhadap dosa silam yang dilakukan secara sengaja atau secara kejahilan, berazam untuk tidak mengulanginya pada masa akan datang, melaksanakan segala perbuatan taat dan baik, meminta halal terhadap hak manusia dengan mengembalikan barang miliknya dan meminta maaf serta pelepasan daripada mereka. Definisi ini boleh dianggap sebagai definisi yang menyeluruh dan meliputi kesalahan yang menyentuh hak Allah SWT dan hak manusia.

### **Definisi Hudud**

Menurut buku Hudud Satu Penjelasan (2015) menyatakan bahawa hudud ialah ‘uqubah (hukuman seksa dunia) yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran serta ditetapkan oleh Nabi SAW melalui hadis Baginda SAW. Al-Mawardi (2019) mendefinisikan hudud sebagai sekatan-sekatan atau deraan-deraan yang ditentukan oleh Tuhan sebagai balasan (hukuman) kerana melakukan perkara-perkara yang ditegah dan meninggalkan perkara-perkara yang diperintah kerana tabiat semulajadi manusia yang dikuasai oleh nafsu yang melalaikan dari seksaan akhirat dengan semata-mata mengejar kelazatan dunia yang cepat. Menurut el-Awa (1999), hudud ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang terkandung di dalam al-Quran atau Sunnah, pelaksanaan undang-undang ini merupakan hak Allah SWT. Dalam konteks menghukum, sesuatu hukuman yang digolongkan kepada hak Allah SWT mengandungi tiga aspek utama iaitu yang pertama; hukuman itu ditetapkan untuk kepentingan ramai, kedua; hukuman itu tidak boleh diringkankan atau diberatkan dan ketiga; setelah dilaporkan kepada hakim, hukuman itu tidak boleh diampunkan sama ada oleh hakim, pihak berkuasa politik atau oleh mangsa kesalahan itu.

Menurut jumhur ulama fiqh, kesalahan-kesalahan jenayah yang dikategorikan sebagai jenayah hudud ialah murtad, minum arak, mencuri, merompak, berzina, menuduh berzina dan memberontak. Melaksanakan hukum hudud ini adalah wajib dan dikira sebagai hak Allah SWT.

Maksud hak Allah SWT ialah seksaan itu tidak boleh digugurkan (dimaafkan) sama ada oleh individu atau masyarakat ('Awdah, 2013).

### **Pembahagian Peringkat Taubat**

Ulama telah membahagikan peringkat taubat dalam jenayah hudud kepada empat peringkat sebagaimana berikut (Bahnasi, 1409H):

- i. Taubat setelah berfikir untuk melakukan jenayah tetapi jenayah belum dilakukan.
- ii. Taubat setelah melakukan jenayah dan sebelum sampai ke pengetahuan pihak berkuasa.
- iii. Taubat selepas sampai ke pengetahuan pihak berkuasa dan sebelum pesalah dihukum.
- iv. Taubat selepas pesalah dihukum.

#### **Peringkat pertama: Taubat setelah berfikir untuk melakukan jenayah tetapi jenayah belum dilakukan**

Bagi peringkat pertama ini, niat penjenayah tidak menonjol lagi dan tidak dikira sebagai memulakan jenayah yang boleh dihukum, sama ada dia tidak melakukan jenayah kerana takut kepada Allah SWT atau kerana kesedaran hatinya. Kedudukan taubatnya adalah antaranya dan Allah SWT serta tidak ada hukuman dunia ke atasnya pada peringkat ini. Persoalannya ialah adakah dia akan dikenakan hukuman di akhirat kelak? Tidak ragu lagi fikirannya untuk melakukan jenayah dikira sebagai melakukan maksiat kepada Allah SWT tetapi taubatnya itu kepada Allah SWT yang telah menutup dosa maksiat tersebut.

Dalam sebuah hadis Qudsi, Ibn Abbas RA ada meriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang menyampaikan apa yang diterimanya daripada Tuhannya yang bermaksud (al-Bukhari, 2016): Sesungguhnya Allah mencatat semua amal kebaikan dan keburukan, kemudian Dia menjelaskan, "Maka sesiapa telah berniat untuk berbuat suatu kebaikan tetapi tidak melakukannya, maka Allah mencatatnya sebagai satu amal kebaikan. Jika dia berniat baik lalu dia melakukannya, maka Allah mencatatnya berupa sepuluh kebaikan sampai tujuh ratus kali ganda, bahkan masih dilipatgandakan lagi. Dan sesiapa berniat amal keburukan namun tidak melakukannya, Allah akan mencatatnya sebagai satu amal kebaikan yang sempurna, dan bila dia berniat dan melakukannya, maka Allah mencatatnya sebagai satu amal keburukan".

#### **Peringkat kedua: Taubat setelah melakukan jenayah dan sebelum sampai ke pengetahuan pihak berkuasa**

Bagi peringkat kedua ini, ulama bersepakat mengatakan bahawa taubat dalam jenayah hudud merompak mempengaruhi pengguguran hukuman had hirabah dengan syarat sebelum penjenayah itu ditangkap atau sebelum sampai ke pengetahuan pihak berkuasa. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 34 yang bermaksud:

*Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, mereka terlepas daripada hukuman itu.*

Berdasarkan ayat di atas, hukuman bunuh, penyaliban, potong tangan dan kaki secara bersilang dan buang daerah digugurkan dari perompak tetapi kesalahan yang menyentuh hak manusia seperti qisas dan diyat tidak digugurkan. Dalam hal ini, Ibn Qudamah (2010) memberikan sebab kenapa perompak yang bertaubat sebelum ditangkap digugurkan hukuman ialah kerana taubat mereka itu ikhlas dan penerimaan taubat perompak sebelum ditangkap juga boleh menjadi satu galakan untuk bertaubat dan cegahan melakukan kerosakan di muka bumi. Sebaliknya tidak diterima taubat perompak selepas ditangkap kerana pada masa itu dari segi lahirnya, taubat itu hanya kerana takut dilaksanakan hukuman ke atas mereka dan pada masa

yang sama tidak ada keperluan lagi untuk menggalakkan bertaubat kerana mereka tidak mampu lagi melakukan kerosakan di muka bumi. Selain dari kesalahan rompakan, ulama berbeza pandangan tentang pengaruh taubat sama ada boleh menggugurkan hukuman hudud atau tidak sebelum kes itu sampai ke pengetahuan pemerintah. Pandangan mereka boleh dibahagikan kepada tiga pandangan berikut ('Awdah, 2013):

Pandangan pertama: Taubat boleh menggugurkan hukuman hudud. Pandangan ini dikemukakan oleh sesetengah ulama mazhab Shafi'e antaranya al-Ramli (2016) dan ulama-ulama mazhab Hanbali antaranya Ibn Qudamah (2010). Antara hujah mereka ialah:

Sesungguhnya al-Quran telah menyatakan gugurnya hukuman hudud terhadap perompak yang melakukan taubat sebelum ditangkap sedangkan jenayah rompakan merupakan jenayah yang paling serius yang mengandungi kekerasan dan sangat berbahaya. Justeru, dapatlah diterima juga bahawa taubat boleh menggugurkan hukuman dalam kesalahan lain yang lebih ringan seperti zina, minum arak dan mencuri (al-Ahwal, 1404H). Menurut al-Zahim (1441H) pula mengatakan bahawa al-Quran telah menyebut pengaruh taubat setelah menyebut hukuman kesalahan zina dan mencuri sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 16 yang bermaksud:

*Dan mana-mana dua orang di antara kamu yang melakukan perbuatan yang keji itu, maka hendaklah kamu menyakiti keduanya, kemudian jika mereka bertaubat dan memperbaiki keadaan diri mereka, maka biarkanlah mereka.*

Abu Zahrah (2017) mengatakan ayat di atas adalah sangat jelas dan ianya tidak boleh dimansuhkan yang mana dinyatakan bahawa pengguguran hukuman menjadi wajib sebaik sahaja taubat itu dibuat kerana ayat ini mengandungi arahan untuk "biarkanlah mereka" sebaik sahaja mereka bertaubat nasuha. Tidak terdapat sebarang perselisihan atau pertembungan tentangnya, maka tiadalah pemansuhan antara ayat ini dan ayat yang menetapkan hukuman seratus kali sebatan. Justeru, arahan berkenaan taubat dalam ayat ini masih berkuatkuasa. Begitu juga disebut taubat selepas hukuman mencuri yang secara jelas membuka pintu untuk bertaubat. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 39 yang bermaksud:

*Maka sesiapa yang bertaubat sesudah dia melakukan kejahatan (mencuri) itu dan memperbaiki amal usahanya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya.*

Dalam hal ini Rasulullah SAW ada bersabda dalam sebuah hadis hasan (al-Suyuti, 2012) yang bermaksud (Ibn Majah, 2018):

*Seseorang yang telah bertaubat dari suatu dosa adalah seperti seorang yang tidak pernah membuat dosa.*

Justeru, seseorang yang tidak bersalah atas sesuatu dosa tidak boleh dikenakan hukuman hudud. Menurut al-Ahwal (1404H), hadis itu menunjukkan bahawa taubat boleh menggugurkan seksaan akhirat yang sangat pedih. Kalau taubat boleh menggugurkan azab akhirat, maka lebih-lebih lagilah taubat boleh menggugurkan hukuman dunia yang lebih ringan berbanding dengan hukuman akhirat. Dalam sebuah hadis sahih (al-Albani, 1998), Rasulullah SAW ada bersabda dalam kes Maiz bin Malik apabila Baginda SAW diberitahu bahawa Maiz bin Malik telah melarikan diri semasa direjam yang bermaksud (Abu Daud, 2017):

*Mengapakah kamu tidak membiarkannya untuk bertaubat agar Allah menerima taubatnya.*

Dalam hal ini, had zina adalah termasuk hak Allah SWT sama seperti had hirabah yang mana kedua-dua kes itu melibatkan taubat boleh menggugurkan hukuman (Ibn Qudamah, 2010).

Pandangan Kedua: Taubat tidak boleh menggugurkan hukuman hudud kecuali dalam kes rompakan yang berdasarkan ayat yang jelas. Pandangan ini dikemukakan oleh ulama-ulama mazhab Hanafi antaranya al-Kasani (2018) dan ulama-ulama mazhab Maliki antaranya al-Baji (2009) dan beberapa ulama mazhab Shafi'e dan Hanbali ('Awdah, 2013). Antara hujah mereka ialah:

Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 2 yang bermaksud:

*Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada keduanya seratus kali sebatan.*

Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Ma'idah ayat 38 yang bermaksud:

*Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka.*

Kedua-dua ayat hudud di atas bersifat umum dan mesti dilaksanakan sama ada kepada orang yang telah bertaubat mahupun orang yang tidak bertaubat. Tidak ada keistimewaan pengguguran hukuman kepada orang yang telah bertaubat.

Rasulullah SAW telah melaksanakan hukuman rejam terhadap Maiz bin Malik sebagaimana dalam sebuah hadis (al-Bukhari, 2016), perempuan al-Ghamidiyyah sebagaimana dalam sebuah hadis (Muslim, 2018) dan memotong tangan pencuri yang mengaku mencuri sebagaimana dalam sebuah hadis (Abu Daud, 2017) yang dihukumkan sah (al-Albani, 1998). Mereka datang menemui Rasulullah SAW dalam keadaan menyerah diri supaya disucikan dari dosa. Orang yang menyerah diri itu ialah orang yang bertaubat dan menyesal atas perbuatannya. Pelaksanaan hukuman terhadap mereka menunjukkan bahawa taubat tidak boleh menggugurkan hukuman di dunia. Taubat mereka telah diakui sendiri oleh Rasulullah SAW seperti dalam sabdanya berkaitan taubat Maiz bin Malik yang bermaksud (Muslim, 2018):

*Sesungguhnya dia telah bertaubat dengan satu taubat yang jika dibahagi-bahagikan dalam kalangan ummah akan meliputi mereka semua.*

Hukuman hudud adalah kaffarah (penebus dosa) yang tidak boleh digugurkan melalui taubat seperti kaffarah sumpah dan kaffarah membunuh (Ibn Qudamah, 2010). Selain itu, tidak boleh dibandingkan kesalahan hirabah dengan kesalahan lain kerana perompak pada kebiasaannya sukar untuk ditangkap. Manakala penerimaan taubat perompak sebelum ditangkap juga boleh menjadi satu galakan untuk bertaubat dan cegahan melakukan kerosakan di muka bumi, sedangkan penjenayah biasa pula ialah seseorang yang yang boleh ditangkap pada bila-bila masa sahaja. Dalam hal ini, tidak ada keistimewaan untuk menggugurkan hukuman kerana taubat, malah hukuman itulah akan mencegahnya dari melakukan kesalahan pada masa akan datang (al-Zahim, 1441H).

Pandangan Ketiga: Pandangan ini dikemukakan oleh Ibn Taimiyyah (2011) dan anak muridnya Ibn Qayyim (2014) yang mengatakan bahawa hukuman boleh menyucikan seseorang dari jenayah serta dosa dan begitulah juga dengan taubat. Hukuman tidak boleh dilaksanakan apabila pelaku kesalahan hak Allah SWT bertaubat, namun jika dia masih mendesak supaya dihukum, dia boleh dihukum meskipun setelah bertaubat. Antara hujah mereka ialah:

Gabungan antara hadis pelaksanaan hukuman terhadap orang yang bertaubat yang meminta dilaksanakan hudud seperti hadis Maiz bin Malik (Muslim, 2018) dan hadis yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW tidak melaksanakan hukuman ke atas seorang lelaki yang melakukan kesalahan yang boleh dikenakan had disebabkan lelaki itu telah bersolat bersama dengan Rasulullah SAW. Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud (al-Bukhari, 2016):

*Allah telah mengampunkan dosa kamu.*

Ibn Qayyim (2014) juga mengatakan bahawa pandangan ini berada di pertengahan antara dua pandangan yang mengatakan tidak boleh dilaksanakan hukuman jika seseorang itu telah bertaubat dan pandangan yang mengatakan taubat tidak boleh menggugurkan hukuman. Apabila sunnah Rasulullah SAW diteliti, kita akan mendapati bahawa sunnah itu tidak menunjukkan sesuatu kecuali pandangan pertengahan ini.

Dalam perkara ini, penulis lebih bersetuju dengan pandangan dan pilihan al-Fadhilat (1987) terhadap pandangan yang mengatakan bahawa taubat yang dilakukan oleh pesalah kes hudud yang berkaitan hak Allah SWT sebelum ditangkap dan sampai ke pengetahuan pihak berkuasa boleh menggugurkan hukuman itu kerana sesiapa yang ditutup keaibannya di dunia oleh Allah SWT, maka Allah SWT akan menutup keaibannya di akhirat. Ibn 'Abidin (2018) telah menyatakan bahawa terdapat persepakatan ulama terhadap perkara itu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 17 yang bermaksud:

*Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan, kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima taubatnya.*

### **Peringkat ketiga: Taubat setelah melakukan jenayah dan selepas sampai ke pengetahuan pihak berkuasa dan sebelum pesalah dihukum**

Pada peringkat ini juga terdapat perbezaan pandangan ulama seperti pada peringkat sebelum sampai ke pengetahuan pihak berkuasa iaitu antara pandangan yang mengatakan taubat boleh menggugurkan hukuman dengan pandangan taubat yang tidak boleh menggugurkannya. Hujah mereka juga adalah hampir sama. Namun begitu, penulis lebih bersetuju dengan pilihan dan pandangan (al-Ahwal, 1404H) yang mengatakan bahawa hukuman tidak gugur disebabkan taubat apabila telah sampai ke pengetahuan pihak berkuasa dan telah disabitkan kesalahan itu. Hal ini kerana pandangan yang mengatakan taubat boleh menggugurkan hukuman walaupun telah sampai ke pengetahuan pemerintah akan menyebabkan pelaksanaannya tergendala kerana setiap pesalah akan menjadikannya sebagai alasan mudah untuk lari dari dihukum dengan dakwaan taubat.

Hanya satu sahaja kesalahan hudud yang diberikan pengecualian untuk bertaubat setelah disabitkan kesalahan itu iaitu kesalahan murtad. Sebelum dilaksanakan hukuman mati, seorang yang murtad disuruh bertaubat dan jika dia bertaubat, maka taubatnya diterima dan gugurlah hukuman mati. Akan tetapi jika dia tidak mahu bertaubat, maka dia akan dikenakan hukuman mati itu. Perkara ini ada dinyatakan dalam sebuah hadis sahih (al-Albani, 1985) yang bermaksud (Ahmad, 2015):

*Mu'az bin Jabal datang menemui Abu Musa di Yaman, tiba-tiba di sisi Abu Musa ada seorang lelaki. Maka Mu'az bertanya siapakah ini? Abu Musa menjawab: Seorang lelaki Yahudi yang memeluk Islam kemudian dia kembali menjadi Yahudi. Kami menghendaki supaya dia kembali kepada Islam semenjak katanya:*

*Aku kira dua bulan. Mu'az berkata: Demi Allah, aku tidak akan duduk sebelum kamu memenggal lehernya, lantas leher Yahudi itu dipenggal. Mu'az berkata: Allah dan RasulNya telah memutuskan bahawa orang yang kembali dari agamanya (keluar dari agama Islam) hendaklah kamu bunuhinya.*

Timbul persoalan di sini, apakah hukum istitabah (menyuruh bertaubat) terhadap orang yang murtad itu satu kewajipan atau sunat sahaja? Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa hukum menyuruh orang yang murtad bertaubat sebelum dibunuh adalah satu kewajipan (al-Zuhayli, 2009).

Pendapat ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW tentang perempuan yang murtad yang bernama Ummu Marwan. Baginda SAW memerintahkan agar perempuan itu bertaubat. Sekiranya dia enggan, maka hendaklah dibunuh. Maksudnya perintah Nabi SAW supaya dibunuh perempuan yang murtad itu adalah selepas dia disuruh bertaubat dan dia enggan berbuat demikian (al-Shawkani, 2019). Perkara ini diperkuatkan lagi dengan tindakan 'Umar bin al-Khattab RA yang mencela Abu Musa al-Ash'ari RA yang membunuh seorang murtad tanpa terlebih dahulu menyuruh orang itu bertaubat. 'Umar bin al-Khattab RA ada berkata yang bermaksud (Malik, 2020):

*Kenapa kamu tidak tahan dia tiga hari, berikan dia makan setiap hari dan menyuruh dia bertaubat. Moga-moga dia bertaubat dan kembali kepada agama Allah? Wahai Tuhan! aku tidak hadir, aku tidak suruh dan aku tidak redha, tiba-tiba berita ini sampai kepadaku.*

Kalau tidak wajib menyuruh orang murtad bertaubat, nescaya 'Umar bin al-Khattab RA tidak akan melepaskan diri dari tindakan Abu Musa al-Ash'ari RA itu. Ibn Qassar RA menjelaskan bahawa tiada seorang sahabat pun yang menginkari ketetapan 'Umar bin al-Khattab RA itu, seolah-olah mereka memahami hadis Nabi SAW yang memerintahkan dibunuh orang murtad apabila dia tidak bertaubat (al-Shawkani, 2019).

Orang yang murtad wajib diberikan peluang untuk bertaubat sebelum dilaksanakan hukuman mati terhadapnya. Persoalan yang timbul ialah berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk menyuruh bertaubat itu? Ulama mempunyai pelbagai pendapat dalam persoalan tempoh istitabah ini, ada yang mengatakan tiga hari, ada yang mengatakan dua puluh hari dan ada yang mengatakan sebulan. Menurut Ibn Qudamah (2010) menyatakan bahawa perbuatan murtad timbul kerana ada keraguan yang tidak akan hilang dalam tempoh yang singkat, maka wajib ditunggu tempoh orang murtad itu menyedarinya. Dapat disimpulkan bahawa tempoh masa untuk bertaubat itu boleh ditentukan oleh ijhtihad hakim kerana tidak ada dalil yang sahih bagi menentukannya.

#### **Peringkat keempat: Taubat selepas pesalah dihukum Hudud**

Bagi peringkat keempat ini akan dibincangkan adakah pesalah akan disucikan dosanya sebaik sahaja dia selesai menerima hukuman hudud atau dia mesti bertaubat lagi untuk menyucikan dosanya itu? Dengan erti kata yang lain, adakah hukuman hudud itu sebagai pencegahan (zawajir) di dunia sahaja atau sebagai penghapus (jawabir) dosa di akhirat?

Al-Zuhayli (2009) telah menjawab persoalan ini dengan mengemukakan dua pandangan ulama. Menurut pandangan ulama Hanafi:



*“Sesungguhnya hudud dan ta’zir disyariatkan hanya untuk mencegah pelaku maksiat dari merosakkan hubungan kekeluargaan, merosakkan nasab keturunan, merosakkan maruah, harta benda, akal fikiran dan nyawa. Dan tidak terlepas dari dosa di akhirat kecuali dengan taubat penjenayah itu sendiri”.*

Mereka berdalilkan ayat-ayat umum berkenaan dengan hukuman-hukuman keseksaan yang menunjukkan bahawa orang yang berdosa adalah berhak menerima hukuman bakaran api neraka. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’ ayat 93 yang bermaksud:

*Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal di dalamnya.*

Firman Allah SWT berhubung dengan pencerobohan ganas samun rompak selepas Allah SWT menyebut hukuman keseksaan yang termaklum ke atas mereka dengan firmanNya dalam surah al-Maidah ayat 33 yang bermaksud:

*Hukuman yang sedemikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.*

Melalui ayat ini, Allah SWT memberitahu bahawa bagi mereka hukuman seksaan di dunia dan hukuman keseksaan di akhirat kecuali mereka yang bertaubat. Maka sesungguhnya taubat itu boleh berfungsi menggugurkan hukuman keseksaan daripada penjenayah di akhirat kelak.

Pandangan kedua pula menurut kebanyakan ulama:

*“Sesungguhnya hukuman-hukuman keseksaan syarak selain untuk pencegahan di dunia, ia juga dikira sebagai lanjutan ekoran dinisbahkan bagi orang Islam yang merupakan penampungan bagi menggugurkan hukuman di akhirat apabila hukumannya di dunia telah disempurnakan dan sebagai pencegahan kepada orang kafir. Apabila dilaksanakan hukuman keseksaan ke atas orang Islam di dunia, maka yang demikian itu dapat melepaskannya dari azab di akhirat. Maka matlamat darinya adalah percampuran (antara sebagai pencegahan dan penampungan)”.*

Antara hujah yang digunakan oleh golongan ini ialah sebuah hadis sahih (al-Suyuti, 2012) daripada Rasulullah SAW yang bermaksud (Ahmad, 2015):

*Allah Maha Adil dari mengulangi hukuman atas hambaNya di akhirat.*

Selain itu, al-‘Asqalani (2020) ada menyebut satu kata-kata dalam Fath al-Bari yang bermaksud:

*Sesiapa yang melakukan dosa, maka dikenakan ke atasnya hukuman di dunia, nescaya dia terlepas dari hukuman di akhirat kelak.*

Dalam riwayat Muslim (2018), Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud:

*Berjanjilah padaku (mubaya’ah) bahawa kamu tidak akan menyekutui sesuatu pun dengan Allah, dan kamu tidak akan berzina, dan kamu tidak akan mencuri, dan kamu tidak akan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan hak. Maka sesiapa daripada kamu yang menyempurnakannya, nescaya Allah akan memberinya pahala, dan sesiapa yang melakukan sesuatu dari yang demikian itu, lalu dikenakan hukuman ke atasnya, maka itu adalah penghapus dosanya, dan sesiapa yang melakukan sesuatu dari yang demikian itu, dan Allah melindungi*

*kesalahannya, maka dirinya terserahlah kepada Allah jika Dia mahu diampunkannya, dan jika Dia mahu diazabkannya.*

Konsep dalam pendapat kedua ini dinamakan sebagai konsep jawabir atau kaffarah yang merupakan salah satu dari matlamat penghukuman. Ia hanya terdapat dalam undang-undang jenayah Islam yang mengaitkan pelaksanaan hukuman dengan tujuan pembersihan dosa di akhirat. Ciri-ciri ini dapat membangkitkan rasa ingin mengaku bersalah dalam kalangan orang yang beriman. Pada zaman Rasulullah SAW telah berlaku pengakuan bersalah kerana hendak melepaskan diri dari azab neraka dan membersihkan diri dari dosa seperti pengakuan Maiz bin Malik dan perempuan al-Ghamidiyyah. Hal ini boleh memperlihatkan keberkesanan pelaksanaan hukuman hudud untuk menyedarkan masyarakat dari terus melakukan jenayah (Hamidi, 2008).

Mengenai persoalan di atas, penulis bersetuju dengan pandangan dan alasan al-Syanqiti (1413H) yang mengkompromi antara dua pandangan itu yang mana hudud merupakan pencegahan dan pada masa yang sama ia juga merupakan penghapus dosa. Hudud sebagai pencegahan kepada orang yang menerima hukuman dan kepada ummah yang melihat pelaksanaannya. Allah SWT memerintahkan supaya hukuman pezina yang belum berkahwin dipertontonkan di khalayak ramai. Pelaksanaan hukuman potong tangan pula disebut oleh Allah SWT sebagai pencegahan daripadaNya.

Hudud sebagai penghapus dosa di akhirat pula akan diperoleh oleh pesalah yang menerima hukuman di dunia berdasarkan hadis-hadis berautoriti yang telah dibincangkan di atas. Dalam sahih al-Bukhari, al-Bukhari telah menulis satu tajuk bab yang dinamakan “Hudud sebagai penghapus dosa” (al-Bukhari, 2016). Al-Bukhari terkenal sebagai ahli fiqh melalui penulisan tarajim abwab. Hal ini menguatkan lagi pandangan tersebut.

### **Penutup**

Setelah meneliti perbincangan konsep taubat dan pengaruhnya untuk menggugurkan hukuman hudud dalam peringkat-peringkat yang lepas, dapat disimpulkan bahawa taubat pada peringkat pertama tidak mempunyai pengaruh untuk menggugurkan hukuman hudud kerana pelanggaran terhadap kesalahan hudud tidak berlaku tetapi ia boleh menggugurkan dosa merancang kejahatan. Taubat yang dilakukan pada peringkat kedua boleh menggugurkan hudud kerana konsep asal perlakuan jenayah itu disembunyikan dan tidak didedahkan kepada orang ramai lebih-lebih lagi kepada pihak berkuasa. Pesalah itu boleh bertaubat nasuha dan Allah SWT akan menggugurkan dosanya itu. Jika kesalahan itu menyentuh hak manusia seperti qazaf dan mencuri, maka kemaafan daripada orang yang dituduh mesti diperoleh dan barang yang dicuri mesti dihantar semula kepada pemiliknya, barulah dosa jenayah itu dihapuskan.

Pada peringkat ketiga setelah perbuatan jenayah itu diketahui pihak berkuasa, penjenayah ditangkap, dibicara dan disabitkan kesalahannya. Maka taubat tidak ada pengaruh lagi untuk menggugurkan hukuman kerana jika dibenarkan penjenayah mendakwa dia telah bertaubat dan kemudian dilepaskan tanpa dihukum, nescaya hukuman hudud akan terbantut. Tugas pemerintah ialah melaksanakan hukuman hudud yang merupakan sebahagian dari ajaran Islam yang suci apabila jenayah itu dapat dibuktikan. Setiap pembuktian dalam kes hudud jika terdapat keraguan mesti diketepikan hukumannya. Setelah pesalah dibuktikan bersalah hanya bagi kesalahan murtad sahaja, maka wajib diminta supaya pesalah bertaubat kerana untuk mengembalikannya kepada Islam. Jika dia enggan bertaubat, barulah hukuman mati akan

dijalankan. Taubat pada peringkat keempat ini tidak ada lagi kaitan dengan pengguguran hukuman hudud kerana ia telah dijalankan. Cuma yang menjadi persoalan ialah adakah cukup dosa pesalah itu akan dihapuskan setelah menerima hukuman hudud itu atau taubat masih diperlukan lagi. Jawapannya taubat tidak diperlukan lagi setelah penjenayah itu dihukum kerana hukuman hudud juga boleh membersihkannya dari dosa dan melepaskan dirinya di akhirat. Tidak adil bagi orang telah menerima hukuman hudud di dunia kemudian sekali lagi menerima balasan di akhirat pula. Peranan taubat itu sama seperti hukuman hudud yang dapat membersihkan dosa kesalahan itu kecuali kalau dia mendesak juga untuk dilaksanakan hukuman dunia ke atasnya seperti yang dilakukan oleh Maiz bin Malik dan perempuan al-Ghamidiyyah, maka hukuman bolehlah dikenakan ke atas orang yang mendesak itu.

### Penghargaan

Terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di atas dorongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam penghasilan artikel ini.

### Rujukan

- Al-Quran Al-Karim.  
Abu Dawud, S. A. (2017). Sunan Abi Dawud. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.  
Abu Jaib, S. (2015). Al-Qamus al-Fiqhi. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.  
Abu Zahrah, M. (2017). Al-‘Uqubah fi Fiqh al-Islami. Dar al-Fikr al-Arabi.  
Ahmad, M. H. (2015). Musnad Ahmad ibn Hanbal. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.  
Al-Ahwal, A. T. (1404H). ‘Uqubah al-Sariq baian al-Qat’i wa Dhaman al-Masruq fi al-Fiqh al-Islam. Al-Riyadh: Dar al-Huda.  
Al-Albani, M. N. (1998). Sahih Sunan Abi Dawud. al-Riyadh: Maktabat al-Ma’arif.  
Al-Albani, M. D. (1985). Irwa’ al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil. Beirut: al-Maktab al-Islami.  
Al-Asfahani, R. (2015). Al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an. Beirut: Dar al-Ma’rifah.  
Al-‘Asqalani, A. H. (2020). Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.  
Al-Baji, S. K. (2009). Al-Muntaqa Syarh al-Muwattha’. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.  
Al-Bukhari, M. I. (2016). Sahih al-Bukhari. Karachi: Maktabat al-Bushra.  
Al-Fadhilat, J. M. (1987). Suqut al-Uqubat fi al-Fiqh al-Islami. Oman: Dar ‘Ammar.  
Al-Fayruz Abadi, M. Y. (2019). Al-Qamus al-Muhit. Kaherah: Al-Maktabah al-‘Asriyyah.  
Al-Fayyumi, A. M. (2017). Al-Misbah al-Munir. Kaherah: Dar al-Hadith.  
Al-Kasani, A. M. (2018). Badai’ al-Sanai’ fi Tartib al-Syarai’. Kaherah: Dar al-Hadith.  
Al-Mawardi, A. M. (2019). Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafah.  
Al-Ramli, M. A. (2016). Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj. Beirut: Syarikat al-Mustaqbal al-Raqami.  
Al-Shanqiti, M. A. (1413H). ‘Ilaj al-Quran al-Karim li al-Jarimah. Kaherah: Matabi’ Ibn Taimiyyah.  
Al-Shawkani, M. A. (2019). Nayl al-Awthar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhbar. Beirut: Dar Ibn Hazm.  
Al-Suyuti, A. R. (2012). Al-Jami’ al-Saghir fi Ahadith al-Bashir al-Nadhir. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.  
Al-Zahim, A. M. (1441H). Athar Tatbiq al-Syari’ah al-Islamiyyah fi Mani’ Wuqu’ al-Jarimah. Kaherah: Dar al-Manar.

- Al-Zamakhshari, M. U. (2017). *Asas al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (2009). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Amal, S.N. (2016). *Al-Taubah fi Dhau al-Qur’an al-Karim*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadhra’.
- ‘Awdah, A. Q. (2013). *Al-Tasyri’ al-Jinai’ al-Islami*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Bahnasi, A. F. (1409H). *Nazriyyat fi al-Fiqh al-Jinai al-Islami*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- El-Awa, M. S. (1999). *Hukuman dalam Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidi, A. G. (2008). *Keadilan Hukuman Sebat Menurut Islam*. Tanah Kelantan: Pustaka Assohabah.
- Ibn ‘Abidin, M. A. (2018). *Hasyiah Rad al-Muhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Faris, A. Z. (2018). *Mu’jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Majah, M. Y. (2018). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Bushra.
- Ibn Manzur, M. M. (2015). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ibn Qayyim, M. J. (2014). *I’lam al-Muwaqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taimiyyah, A. A. (2011). *Majmu’ al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Salam.
- M. Yusoff, M.A., Othman, M.S., RT Abdullah, Mohamad, N. & Omar, S.H.S. (2017). Penerapan Nilai Taubat: Asas Perubahan bagi Penagih Dadah. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 56-69.
- Majlis Agama Islam Selangor (2015). *Hudud Satu Penjelasan*. Shah Alam: Selangor.
- Malik, A. (2020). *Al-Muwattha*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muslim, H.Q. (2018). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Amal.
- Noresah, B. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Rahayu, H. D. & Khadijah M. H. (2016). Konsep Taubat Menurut Islam dan Kristian. *Jurnal Afkar*, 15-34.